

D462

u B310 AAB

MAHATHIR - HAKANAN

I

KUALA LUMPUR, 3 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI **INI** BERKATA DAKWAAN YANG TIDAK WAJAR **BERHUBUNG** KESIHATAN DAN KESELAMATAN DI NEGARA-NEGARA MAJU MENAKIBATKAN **PARA** PENGGUNA TIDAK DAPAT MENIKMATI SUMBER MAKANAN YANG MURAH **DARI** NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

PERDANA MENTERI BERKATA **KEMPEN-KEMPEN** SECARA **BESAR-BESARAN** YANG SEBENARNYA TIDAK **MEMPUNYAI HUBUNG-KAIT** DENGAN KESIHATAN DAN **KESELAMATAN**, SENGAJA DIADA-ADAKAN OLEH SESETENGAH PIHAK KERANA KEPENTINGAN EKONOMI MEREKA.

KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN KESELAMATAN MAKANAN ASIA YANG PERTAMA **DI SINI**, **BELIAU** BERKATA TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ITU TIDAK **LANGSUNG MENYUMBANG** KEPADA **KESELAMATAN** MAKANAN ATAU MENYELESAIKAN GEJALA KEHISKINAN ATAU KEKURANGAN MAKANAN.

TINDAKAN MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH KUARANTIN MERUPAKAN SATU **LAGI** HALANGAN PERDAGANGAN YANG MENYEKAT EKSPORT SECARA TERUS BARANGAN SEGAR DAN BARANGAN TERNAKAN **DARI** NEGARA-NEGARA **MEMBANGUN**, TAMBAHNYA.

SAMBIL MENGGESA **PARA** PENGIMPORT SUPA'YA LEBIH **REALISTIK** DALAM MENGENAKAN SPEKSIKASI DAN **STANDARD**, **BELIAU** BERKATA SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU BEBERAPA ISU PERDAGANGAN HAKANAN TELAH HERUMITKAN HUBUNGAN ANTARA NEGARA-NEGARA MEHBANGUN YANG MENGELUARKAN BARANGAN **DAN NEGARA-NEGARA PENGGUNA** YANG **MAJU** DAN **NEGARA-NEGARA PENGELUAR**. -- **LAGI**.

1332MST 03 09 90

U 8311 AAB

. HAHATHIR - HAKANAN 2 KUALA LUHPUR

+KEHAJUAN DALAH TEKNIK **MENGANALISIS** MEMBOLEHKAN PENGESANAN **KUMAN**, **PADA** MULANYA SEBAHAGIAN DARIPADA **SEJUTA**, KEHUDIAN SEBAHAGIAN DARIPADA SERIBU **JUTA** DAN SEKARANG SEBAHAGIAN DARIPADA SATU **TRILLION**, + KATANYA.

PERDANA MENTERI **JUGA** MENYENTUH MENGENAI PERCUBAAN BARU-BARU **INI** UNTUK MENGELIRUKAN PENGGUNA DI NEGARA-NEGARA MAJU DENGAN MENGADAKAN LABEL SEPERTI +BUKAN MINYAK **TROPIKA**.+

BELIAU BERKATA **MELABEL** BAHAN-BAHAN' **MAKANAN**, SEPERTI YANG DXPERLUKAN OLEH **UNDANG-UNDANG**, BERTUJUAN UNTUK **MEMBERITAHU** PENGGUNA DAN BUKAN UNTUK HENGELIRUKAN MEREKA.

SEKIRANYA MENJADI SATU KESALAHAN UNTUK MENGUMUMKAN +**KEBAIKAN**+ SESETENGAH **MAKANAN**, MENJADI KESALAHAN JUGALAH UNTUK MENGELIRUKAN **PARA** PENGGUNA MENGENAI +**KEBURUKAN**+ SESETENGAH MAKANAN, TAHBAHNYA.

BELIAU BERKATA **IA** **JUGA** MENJADI KESALAHAN APABILA TINDAKAN ITU BERTUJUAN UNTUK HELARISKAN BARANGAN SAINGANNYA. -- **LAGI**.

1354MST 03 09 90

U B314 AAB
MAHATHIR - MAKANAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +AHLI-AHLI SAINS MAKANAN, SEPERTI JUGA AHLI SAINS YANG LAIN, SELALUNYA ENGGAN MENYUJUKAN PENDAPAT MEREKA KERANA KHUATIR MEREKA AKAN DISALAH TAKSIRKAN. + BAGAIMANAPUN, KATANYA, MENJADI TANGGUNGJAWAB AHLI SAINS DAN UJARAN UNTUK HENJELASKAN KEPADA ORANG RAMAI, MELALUI PENGGUNAAN PERKATAAN BUKAN ILMIAH YANG HUDAH DIFAHAMI, TANPA MENJEJASKAN KETEPATAN MAKNA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KESELAMATAN MAKANAN MERUPAKAN ANTARA MASALAH KESIHATAN YANG PALING MELUAS DI DUNIA DISEBABKAN KERANA KEMAJUAN MASYARAKAT MODEN SEKARANG.

BELIAU BERKATA: +PENGGUNAAN SECARA MELUAS BAHAN KIMIA PERTANIAN MERUPAKAN CONTOH BAGAIMANA TEKNOLOGI MODEN MEMPUYAI KEBAIKAN DAN KEBURUKAN, IAITU TANPANYA PENGELUARAN MAKANAN MUNGKIN TERHAD, TETAPI PENGGUNAANNYA PULA MENIMBULKAN RISIKO KEPADA ALAM SEKITAR DAN KESIHATAN DAN DALAM BEBERAPA KEJADIAN, KEPADA SUMBER MAKANAN ITU SENDIRI.

+KEMAJUAN DALAM BIDANG SAINS TELAH MENAWARKAN JAMINAN BEKALAN MAKANAN YANG LEBIH BAIK, PELBAGAI JENIS DAN LEBIH SELAMAT, MEMBERI JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN MEMERLUKAN PENGAWASAN YANG TELITI BERDASARKAN KAEDAH DAN PENGETAHUAN YANG KEMAS KINI. + -- LAGI.

140811ST 03 09 90

D471

U B317 AAB
MAHATHIR - MAKANAN 4 KUALA LUMPUR

USAHA SEDANG DILAKUKAN PADA RUNDINGAN SEKARANG DI BAWAH PERJANJIAN AH HENGENAI TARIF DAN PERDAGANGAN (GATT) UNTUK MENGGUNAKAN STANDARD ANTARABANGSA YANG BOLEH DIDAPATI DALAM MENYELESAIKAN PERSELISIHAN YANG MEMBABITKAN ISU-ISU BERHUBUNG KESELAMATAN DAN KESIHATAN.

PERDANAMENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN PERLU MEMPUYAI UNDANG-UNDANG YANG EFEKTIF DAN PERATURAN YANG SENTIASA DIKEMASKINI SUPAYA SESUAI DENGAN PERKEHKBANGAN DAN PERUBAHAN DALAM STRUKTUR SOSIAL, AMALAN MAKANAN, PERTANIAN MODEN DAN TEKNOLOGI MAKANAN.

BELIAU BERKATA SATU PENDEKATAN YANG SELARAS ANTARA KEMENTERIAN DI KALANGAN AGENSI-AGENCI PELAKSANA DI SETIAP NEGERI PERLU DIADAKAN, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA INFRASTRUKTUR YANG SESUAI DAN KEMUDAHAN MAKMAL YANG ASAS PERLU DISEDIAKAN DAN PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN DIPERTINGKATKAN.

+SEGALA PERUNTUKAN FIZIKAL ITU TIDAK AKAN BERGUNA SEKIRANYA SUMBER MANUSIA YANG TERLATIH DIABAIKAN. DISINILAH KERJASAMA ANTARABANGSA DIPERLUKAN, + KATANYA.

BELIAU BERKATA KESEDARAN MASYARAKAT MENGENAI ISU-ISU YANG TERBABIT BERHUBUNG KESELAMATAN MAKANAN JUGA PERLU ADA DAN PROGRAM-PROGRAM ITU PERLU DIINTEGRASIKAN KE DALAM SISTEM PENJAGAAN KESIHATAN UTAMA.

KIRA-KIRA 400 PESERTA DARI SELURUH DUNIA MENGHADIRI PERSIDANGAN LIMA HARI ITU YANG BERTUJUAN MENGENAL PASTI MASALAH-MASALAH UTAMA BERHUBUNG KESELAMATAN MAKANAN DI ASIA. -- BERNAMA.

1419MST 03 09 90